

Keputusan dibuat Kabinet babitkan 32 kesalahan jenayah di bawah lapan akta

↳ OS MO 14/11/2018 M/S 06

# Hukuman mati akan dimansuh

Oleh RASDAN AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Kabinet telah memutuskan hukuman mati bagi 32 kesalahan di bawah lapan akta dimansuhkan termasuk Seksyen 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh dengan niat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong (**gambar**) berkata, keputusan itu dicapai secara kolektif pada 10 Oktober lalu.

Jelas beliau, akta tersebut terdiri daripada Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta

Senjata 1960, Akta Penculikan 1961 dan Akta Angkatan Tentera 1972.

Selain itu, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Akta Dadah Berbahaya 1952 antara lapan akta tersebut.

“Susulan daripada keputusan itu, satu memorandum telah diedarkan kepada semua kementerian berkaitan untuk mendapatkan pandangan,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan **Dr. Kelvin Yii**



**Lee Wuen (PH-Bandar Kuching)** yang meminta kerajaan menyatakan pendirian berhubung pemansuhan hukuman mati sama ada akan memberikan pengecualian kepada jenayah kejam.

Sementara itu, pada sesi soal jawab lisan pula, Vui Keong berkata, Rang Undang-undang

Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dijangka dibentang pada sidang Parlimen akan datang selepas semua isu dan dasar dimuktamadkan.

Beliau berkata, mesyuarat susulan yang diadakan berhubung penubuhan IPCMC

**Chin Abdullah (PH-Petaling Jaya).**

Vui Keong berkata, hak polis juga terjamin seperti termaktub di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan.

September lalu, kerajaan mengumumkan penubuhan IPCMC bagi menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

Dalam pada itu, menurut Amnesty International, sejumlah 142 negara yang telah memansuhkan hukuman mati atau mengumumkan moratorium terhadap hukuman itu, sementara 56 negara lagi masih mengekalkannya.

Malaysia antara 56 negara yang masih

bersetuju terhadap usul yang dibentangkan bagi memastikan IPCMC benar-benar bebas, efektif dan mempunyai kuasa menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan tersebut.

“Kerangka penubuhan IPCMC mengambil kira kuasa-kuasa yang lebih holistik dan selaras peruntukan undang-undang sedia ada dan juga sedang berkuat kuasa,” katanya menjawab soalan **Maria**

melaksanakannya bersama-sama China, Jordan, Singapura dan Mesir.

Dalam 142 negara itu, sejumlah 106 telah memansuhkannya sama sekali, tujuh memansuhkan sebahagian manakala 29 lagi menanggukuhkan hukuman.

Difahamkan, mengikut Jabatan Penjara Malaysia terdapat 1,279 banduan sedang menunggu hukuman mati setakat 11 Oktober tahun ini.

## INFO

## Kesalahan yang membawa hukuman mati

- Berperang atau mencuba berperang atau menyubahati perang melawan Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang Dipertua Negeri
- Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang Dipertua Negeri
- Melakukan perbuatan pengganas jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Memberikan atau mengumpul harta untuk pembuatan pengganas jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Memberikan perkhidmatan bagi tujuan pengganas jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Menerima imbuhan untuk memudahkan atau membolehkan tindakan pengganas jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Menerima imbuhan untuk memudahkan atau membolehkan merancang aktiviti jenayah jika tindakan itu mengakibatkan kematian
- Menyokong pemberontakan dalam Angkatan Tentera Malaysia jika mengakibatkan pemberontakan
- Memberi atau mereka bukti palsu dengan niat
- Membunuh
- Melakukan pembunuhan ke atas kanak-kanak atau orang gila
- Cubaan membunuh jika menyebabkan kecederaan
- Melakukan penculikan untuk membunuh
- Melakukan tebusan yang mengakibatkan kematian
- Rogol sehingga menyebabkan kematian
- Rompakan berkumpulan

dengan kematian

- Menyeludup dadah berbahaya
- Melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api bagi melakukan sesuatu kesalahan berjadual
- Menjadi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api
- Individu yang menyeludup senjata api
- Penculikan, penahanan atau pengasingan salah dengan niat menjadikan tebusan
- Kesalahan menyebabkan pencemaran air
- Pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai
- Pemberian bantuan teknikal
- Pembrokeran barang strategik
- Transaksi yang melibatkan barang tidak tersenarai dan aktiviti terhadap
- Penalti bagi pembuatan senjata api tanpa lesen dan melanggar syarat lesen
- Membantu musuh
- Komunikasi dengan musuh
- Pemberontakan
- Gagal menyekat pemberontakan

### Akta yang melibatkan hukuman mati

1. Kanun Keseksaan (Akta 574)
2. Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971
3. Akta Senjata 1960
4. Akta Penculikan 1961
5. Akta Angkatan Tentera 1972.
6. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006
7. Akta Perdagangan Strategik 2010
8. Akta Dadah Berbahaya 1952

(Sumber: Petikan senarai undang-undang yang disusun oleh *Kosmo!*)